

(R)

ACD3796

CLOSED STACKS

PENGARUH MANTIQ TERHADAP PEMIKIRAN ISLAM

Oleh

MOHD FAUZI BIN HAMAT

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI KEPERLUAN
IJAZAH SARJANA USULUDDIN**

Kepada

**BAHAGIAN PENGAJIAN USULUDDIN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM**

**UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
1996**

Perpustakaan Universiti Malaya



A506433372

Dimikrofilkan pada 15.04.1998
No. Mikrofis 13614
Jumlah Mikrofis 4
HAMSI AH BT. MOHAMAD ZAHARI
UNIT REPROGRAFI
PERPUSTAKAAN UTAMA
UNIVERSITI MALAYA

UPR

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

Dedikasi

Saya tujukan khas buat ayahanda dan bonda yang telah banyak berkorban tenaga, masa dan wang ringgit bagi memastikan anak-anaknya berjaya dalam pelajaran. Tidak lupa juga buat isteri tercinta, Nurul Huda, anakanda tersayang Nurul Fatihah, kaum keluarga, guru-guru dan rakan-rakan yang sentiasa memberi galakan dan sokongan. Semoga kalian semua sentiasa dilindungi dan dirahmati oleh Allah s.w.t.

Amin Ya Rabb al-‘Alamin.



PENGHARGAAN

Segala puji-pujian kepada Allah s.w.t., Tuhan sekalian Alam yang telah mengajarkan manusia apa-apa yang tidak diketahuinya. Selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad s.'a.w., seluruh keluarga dan juga para sahabatnya. Pertama sekali penulis memanjatkan kesyukuran yang tidak terhingga kehadiran Allah s.w.t. kerana dengan taufik dan hidayahNya, penulis dapat menyelesaikan penulisan disertasi ini dengan baik dan lancar.

Di kesempatan yang terbatas ini, penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Prof Madya Dr. Abdul Hayei bin Abdul Sukor, Ketua Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya yang telah sudi menyelia disertasi ini. Beliau telah banyak memberi bimbingan, tunjuk ajar, teguran dan nasihat yang berguna kepada penulis dalam menjayakan penulisan disertasi ini. Hasil daripada bimbingan dan tunjuk ajar dari beliau penulis dapat menyiapkan disertasi ini dalam jangka masa yang telah ditetapkan.

Di kesempatan ini juga, penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Dr. Ahmad Zaki bin Ibrahim, bekas Dekan Fakulti Usuluddin, Akademi Islam dan juga Prof. Madya Mohamad Kamil bin Haji Abdul Majid, Timbalan Pengarah, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya di atas kerjasama yang telah diberikan sepanjang penulisan disertasi ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada En. Wan Suhaimi bin Wan Abdullah yang telah sudi meminjamkan kepada penulis beberapa buku rujukan yang tidak terdapat di dalam perpustakaan, juga kepada En. Mohd Nuri Al-Amin Haji Endut yang telah sudi menghantarkan kepada

penulis beberapa salinan photostate bahan-bahan rujukan yang terdapat di perpustakaan Universiti Al al-Bayt, Mafrq, Jordan.

Terima kasih juga ditujukan kepada pihak Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Islam, Cawangan Nilam Puri, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa, Perpustakaan Awam Islam, Pusat Islam dan Perpustakaan al-Mukhtar, Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA), Kuala Terengganu yang telah sudi menghulurkan bantuan kepada penulis bagi mendapatkan bahan-bahan rujukan dan kajian. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada semua individu yang telah memberi bantuan, galakan dan sokongan kepada penulis sehingga disertasi ini dapat disiapkan dalam jangkamasa yang telah ditetapkan. Semoga segala bantuan dan kerjasama yang telah diberikan oleh kalian semua diberi balasan dan ganjaran yang setimpal dari Allah s.w.t.

Akhirnya segala yang baik dan sempurna itu adalah datangnya dari Allah s.w.t. dan segala apa yang kurang itu adalah lahir dari kekurangan dan kelemahan diri penulis sendiri.

Mohd Fauzi bin Hamat
Bahagian Pengajian Usuluddin,
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya, 50603,
Kuala Lumpur.

ABSTRAK

Disertasi ini merupakan satu percubaan untuk mendedahkan tentang pengaruh disiplin *Manṭiq* terhadap pemikiran Islam. Perpindahan disiplin *Manṭiq* ke Dunia Islam, khususnya menerusi kegiatan penterjemahan sedikit sebanyak telah memberi sumbangan kepada perkembangan pemikiran Islam. Beberapa disiplin ilmu Islam, khususnya *‘Ilm Uṣūl al-Fiqh* dan *‘Ilm al-Kalām* telah berjaya dipengaruhi oleh disiplin *Manṭiq* dalam proses perkembangannya. Pengaruh ini adalah jelas terserlah setelah berlakunya percampuran *Manṭiq* dengan disiplin ilmu tersebut.

Secara khususnya disertasi ini cuba menjelaskan tentang bentuk pengaruh tersebut terhadap beberapa disiplin ilmu Islam. Dalam hal ini, kajian ini hanya akan menfokuskan kajian terhadap disiplin *‘Ilm al-Kalām* dan *‘Ilm Uṣūl al-Fiqh*. Ini kerana *Manṭiq* telah berjaya mempengaruhi kedua-dua disiplin tersebut, terutama sekali melalui peranan yang telah dimainkan oleh beberapa orang tokoh ulama dan pemikir Islam terkenal seperti al-Imām al-Ghazālī (m. 505 H/ 1111 M.), Fakhr al-Dīn al-Rāzī (m. 606 H./ 1209 M.), al-Imām al-Bayḍawī (m. 685 H./ 1286 M.), al-Ijī (m. 756 H./ 1355 M.), al-Taftazānī (793 H./ 1390 M.) dan lain-lain lagi. Bagi memudahkan perbincangan, kajian ini dibahagikan kepada empat bab yang didahului dengan pendahuluan yang mengandungi latar belakang masalah, tujuan kajian, metodologi penyelidikan serta masalah kajian.

Bab pertama membicarakan tentang sejarah pengajian *Manṭiq* yang dikhususkan kepada perkembangan pengajian *Manṭiq* di Dunia Islam. Dalam bab ini

perbincangan adalah berdasarkan kepada dua faktor utama perkembangan pengajian *Manṭiq*, iaitu faktor penterjemahan dan juga kegiatan pengajaran *Manṭiq* yang telah dijalankan dalam masyarakat Islam. Antara yang turut didedahkan dalam bab ini ialah sumbangan tokoh-tokoh penterjemah dan tokoh-tokoh *Manṭiq* dalam perkembangan pengajian *Manṭiq*.

Sementara *bab kedua* pula, perbincangannya adalah dikhususkan kepada manhaj pengajian *Manṭiq* yang telah berkembang ke Dunia Islam. Perbincangan adalah berkisar kepada topik-topik perbahasan utama *Manṭiq* yang terangkum di bawah tiga bahagian utama *Manṭiq* iaitu *al-Taṣawwūrāt*, *al-Taṣdīqāt* dan *al-Istidlāl*.

Bab ketiga pula membicarakan tentang pengaruh *Manṭiq* terhadap pemikiran Islam. Perbincangan bab ini adalah dimulai dengan penjelasan tentang definisi pemikiran Islam, hubungan *Manṭiq* dengan pemikiran Islam dan penggunaan *Manṭiq* di kalangan pemikir awal Islam, khususnya sebelum kemunculan al-Imām al-Ḡhazālī. kemuncak perbincangan bab ini adalah berkisar tentang percampuran *Manṭiq* dengan disiplin-disiplin ilmu Islam yang secara jelas membuktikan bahawa terdapatnya unsur-unsur pengaruh *Manṭiq* dalam pemikiran Islam. Selain daripada itu, antara persoalan yang dikupas dalam bab ini ialah kedudukan *Manṭiq* dalam karya beberapa ulama Islam seperti al-Imām al-Ṣhāfiʿī, al-Ḡhazālī, Fakhr al-Dīn al-Rāzī dan juga al-Imām al-Bayḍawī.

Bab keempat pula membahaskan tentang sikap yang telah diambil oleh para ulama Islam dalam menangani isu kehadiran *Manṭiq* ke Dunia Islam dan pengaruhnya terhadap pemikiran Islam. Perbincangan bab ini adalah berkisar tentang kontroversi ulama berhubung dengan *Manṭiq*. Antara fokus utama perbincangan bab ini ialah sikap beberapa orang tokoh ulama Islam yang menerima dan menolak *Manṭiq* beserta dengan hujjah masing-masing dalam mempertahankan pendirian mereka. Huraian tentang persoalan ini akan disusuli kemudiannya dengan ulasan penulis terhadap kedua-dua aliran sikap pro dan kontra tersebut. Seterusnya kajian ini diakhiri dengan penutup yang mengandungi kesimpulan bagi kajian ini.

ABSTRACT

This dissertation is an attempt to expose some influences of Logic (*Mantiq*) upon Islamic thought. The transmission of logic to the Islamic world, especially through translation activities, has contributed to the development of Islamic thought. Some disciplines of Islamic knowledge, particularly Islamic Jurisprudence (*‘Ilm Uṣūl al-Fiqh*) and Islamic Theology (*‘Ilm al-Kalām*), have been influenced by logic in their development. This influence is clearly seen when logic interfered those disciplines.

In Particular, this dissertation attempts to discuss those influences upon disciplines of Islamic knowledge. Here, this study will only focus on both disciplines, Islamic Theology and Islamic Jurisprudence. Generally, logic has influenced both disciplines, especially through the role of some distinguished scholars and great Muslim thinkers such as al-Imām al-Ghazālī (505 H./ 1111 M.), Fakhr al-Dīn al-Rāzī (606 H./ 1209 M.), al-Imam al-Bayḍawī (685 H./ 1286 M.), al-Jī (756 H./ 1355 M.) and al-Taftazānī (793 H./ 1390 M.). Briefly, this dissertation will consist of four chapters, opened by the introductory chapter which attempts to provide a presentation of the research background, its goals, its methodology and its problems.

The first chapter will discuss on the historicity of logic which is specified to the development of logic in the Islamic world. The discussion is based on two main factors of the development of logic; the activity of translation and the activity of teaching logic in the Muslim society. This chapter will also discuss the contribution of great translators and logicians in the development of logic.

In the second chapter, the discussion will be focused on the methodology of studying logic which is spread in Islamic world . The discussion will consist of three major parts of logic: Concepts (*al-Taṣawwūrāt*), Judgements (*al-Taṣdīqāt*) and Demonstrations (*al-Istidlāl*).

The third chapter will discuss on the influences of logic upon Islamic thought. The discussion will be started by the definition of Islamic thought, the relationship between logic and Islamic thought and the use of logic among the early Muslim thinkers (pioneers) before al-Ğihazālī's period. The climate of this chapter will be the discussion of the interference of logic into other discipline of Islamic knowledge which will clearly prove the influence of logic in Islamic thought. Beside that, this chapter will discuss on the position of logic in the works of great scholars such as al-Imām al-Şhāfi'ī, al-Ğihazālī, Fakhr al-Dīn al-Rāzī and Imām al-Bayḏāwī.

The Fourth chapter will discuss on the attitude (view) of Muslim scholars towards the existence of logic in the Islamic world and its influences upon Islamic thought. It will mainly focus on the controversial issues among the scholars as regard to logic, their attitude (view) either to accept or to reject logic and their arguments to depend their standing. The discussion will be later followed by comments from the writer on both attitude (views). Ultimately, the concluding remarks which follow the chapter are a short summary of the overall study of this dissertation.

TRANSLITERASI

Bagi menulis perkataan-perkataan yang berbahasa Arab, disertasi ini menggunakan sistem atau kaedah transliterasi yang telah dipakai oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka,¹ kecuali bagi huruf (ش = sh). Kaedah tersebut adalah sebagaimana berikut:

Huruf Arab

ا

ب

ت

ث

ج

ح

خ

د

ذ

ر

ز

س

ش

ص

ض

Huruf Rumi

-

b

t

th

j

h

kh

d

dh

r

z

s

sh

ṣ

ḍ

¹ *Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Huruf Rumi*, Kuala Lumpur, DBP, cet. 2, 1992.

ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘
غ	<u>gh</u>
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
و	w
هـ ، ء ، ؤ	h
ء	‘
ي	y/i

Di samping huruf-huruf di atas, dalam sistem vokal Arab terdapat vokal pendek, panjang dan diftong. Dalam kajian ini, tanda-tanda seperti berikut digunakan bagi menepati kaedah pembacaan dan penulisan.

Vokal Pendek

----- = a

----- = i

----- = u

Vokal panjang

اَ ----- = a

يَ ----- = i

وَ ----- = u

Diftong

اَ يَ ----- = ay

اَ وَ ----- = aw

Selain daripada itu, untuk perkataan Arab yang bertanwin, iaitu: -----, -----, dan ----- dibunyikan, samada ditulis an (*tanwin* berbaris atas), in (*tanwin* berbaris di bawah) dan un (*tanwin* berbaris di hadapan).

Catatan:

Terdapat juga perkataan Bahasa Melayu yang berasal daripada perkataan Arab dieja mengikut perkataan Melayu seperti akidah, Fekah, qias, Muktazilah, syariat dan lain-lain lagi.

KEPENDEKAN

Bah.	Bahagian
BAHIEIS	Bahagian Hal Ehwal Islam
bil.	Bilangan
cet.	Cetakan
DBP	Dewan Bahasa Dan Pustaka
Dr.	Doktor
Ed.	edited
H.	Hijrah
h.	halaman
hb.	Haribulan
<i>Ibid.</i>	Rujukan yang sama (<i>Ibidem</i>)
j.	Juzuk / jilid
JPM	Jabatan Perdana Menteri
M.	Masihi
m.	Meninggal
<i>Op.cit.</i>	Rujukan sebelumnya (<i>Opera Citato</i>)
Prof.	Profesor
<i>r.a</i> [‘]	<i>Radiyallah</i> [‘] <i>Anh</i>
<i>s. a.w</i> [‘]	<i>Sallallah</i> [‘] <i>Alayh Wa Sallam</i>
S.M.	Sebelum Masihi

<i>s.w.t.</i>	<i>Subḥānah Wa Taʿālā</i>
terj.*	Terjemahan
t.t.	Tanpa Tarikh.
t.p.	Tanpa Penerbit.
Vol.	Volume

* Semua terjemahan ayat-ayat al-Quran adalah berdasarkan kepada *Tafsir Pimpinan ar-Rahman* yang telah diterjemahkan oleh Syeikh Abdullah bin Mohd Basmeih, BAHFIS, JPM, Kuala Lumpur, cet. 9, 1988.

KANDUNGAN

PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	vi
TRANSLITERASI	viii
KEPENDEKAN	xi
KANDUNGAN	xiii
PENDAHULUAN	xix

BAB PERTAMA

SEJARAH PENGAJIAN *Mantiq*

A) Pengertian <i>Mantiq</i> Dari Segi Bahasa Dan Istilah	1
1. Pengertian Dari Segi Bahasa	1
2. Pengertian dari segi Istilah	4
B) Perkembangan Pengajian <i>Mantiq</i>	11
1. Pendahuluan	12
2. Penterjemahan Karya-Karya <i>Mantiq</i>	15
2.1. Tokoh-Tokoh Penterjemah Dan Sumbangan Mereka	21
2.1.1. Ibn Al-Muqaffa' (m. 139 H./ 756 M.)	22
2.1.2. Hunayn Ibn Ishāq (m. 267 H/ 877 M)	23
2.1.3. Ishāq Ibn Hunayn (m. 298 H./ 910 M.)	24

2.1.4. <i>Mattā Ibn Yūnus</i> (m. 328 H./ 939 M.)	25
3. Pengajaran <i>Manṭiq</i> Dalam Masyarakat Islam	27
3.1. Tokoh-Tokoh <i>Manṭiq</i> Dan Sumbangan Mereka	31
3.1.1. <i>Al-Kindī</i> (m. 260 H./ 873 M.)	32
3.1.2. <i>Al-Fārābī</i> (m. 339 H./ 950 M.)	36
3.1.3. <i>Ibn Sīnā</i> (m. 428 H./ 1036 M.)	40
3.1.4. <i>Al-Ghazālī</i> (m. 505 H./ 1111 M.)	43
3.1.5. <i>Ibn Rushd</i> (m. 595 H./ 1198 M.)	46
4. Kesimpulan	50

BAB KEDUA

MANHAJ PENGAJIAN *MANṬIQ*

2.1. Pendahuluan	52
2.2. <i>Al-Taṣawwurat</i> (Konsep)	53
2.2.1. <i>Al-Alfāz</i> (Lafaz)	55
2.2.1.1. <i>Al-Dilālāh</i>	56
2.2.1.2. <i>Aqṣām al-Lafziyy</i> (Bahagian Lafaz)	58
2.2.2 <i>Al-Kulliyāt Al-Khams</i> . (Lima Prediket)	62
2.2.3. <i>Al-Taʿrīf</i> (Definisi)	66
2.3. <i>Al-Taṣdīqāt</i> (Penghukuman)	71
2.3.1. <i>Al-Qaḍāyā</i> (Panyataan)	72
2.3.1.1 <i>Al-Qaḍiyyah Al-Ḥamliyyah</i> (Penyataan Mutlak)	73

2.3.1.2 <i>Al-Qaḍīyah Al-Sharṭīyah</i> (Pernyataan Syarat)	76
2.4. <i>Al-Istidlāl</i> (Pendalilan)	78
2.4.1. <i>Al-Istidlāl Al-Mubāshir</i> (Pendalilan Langsung)	79
2.4.1.1. <i>Al-Taḡābul Bayn Al-Qaḍāyā</i> (Pertentangan Antara Pernyataan)	79
2.4.1.1.1. <i>Al-Tanaḡuḍ</i> (Pertentangan Antara Pernyataan)	80
2.4.1.1.2. <i>Al-Taḍāḍ</i> (Pernyataan Berlawanan)	81
2.4.1.1.3. <i>Al-Dukhūl Taḥta Al-Taḍāḍ</i> (Pernyataan Separuh Berlawanan)	81
2.4.1.1.4. <i>Al-Tadaḡhul</i> (Pernyataan Berselangan)	82
2.4.1.2. <i>Al-ʿAks</i> (Dalil Kebalikan)	83
2.4.2. <i>Al-Istidlāl Ghayr Al-Mubāshir</i> (Pendalilan Berantara)	84
2.4.2.1 <i>Al-Qiyās</i> (Silogisme)	85
2.4.2.2 <i>Al-Istiqrāʾ</i> (Induksi)	92
2.4.2.3 <i>Al-Tamthīl</i> (Analogi)	96
2.5. Kesimpulan	98

BAB KETIGA

PENGARUH *MANṬIḤ* TERHADAP PEMIKIRAN ISLAM

3.1. Pendahuluan	100
3.2. Definisi Pemikiran Islam	102
3.3. Hubungan Pemikiran Islam Dengan <i>ManṭiḤ</i>	105
3.4. Penggunaan <i>ManṭiḤ</i> Di Kalangan Pemikir Awal Islam	113

3.4.1. <i>Al-Mu'tazilah</i>	115
3.4.2. <i>Al-Ash'arīrah</i>	118
3.5. Percampuran <i>Mantiq</i> Dengan Disiplin ilmu Islam	123
3.5.1. <i>‘Ilm al-Kalām</i>	125
3.5.2. <i>‘Ilm Uṣūl al-Fiqh</i>	131
3.6. Kedudukan <i>Mantiq</i> Dalam Karya Silam Ulama	138
3.6.1. <i>Al-Shāfi‘ī</i> (m. 204 H./ 820 M.)	139
3.6.2. <i>Al-Ghazālī</i> (m. 505 H./ 1111 M.)	144
3.6.3. <i>Fakhr al-Dīn al-Rāzī</i> (m. 606 H./1209 M.)	147
3.6.4. <i>Al-Imām al-Bayḍawī</i> (685 H./ 1286 M.)	154
3.7. Kesan-Kesan Pengaruh <i>Mantiq</i> Terhadap Pemikiran Islam	157
3.7.1. Kesan Positif	158
3.7.2. Kesan Negatif	161
3.8. Kesimpulan	163

BAB KEEMPAT

SIKAP ULAMA ISLAM TERHADAP *MANṬIQ*

4.1. Pendahuluan	165
4.2. Kontraversi Ulama Berhubung Dengan <i>Mantiq</i>	166
4.2.1. Kategori Ulama Yang Berbeza Pandangan	168
4.2.2. Faktor-Faktor Munculnya Kontraversi	170
4.3. Golongan Yang Menerima <i>Mantiq</i>	174

4.3.1. Al-Fārābī (m. 339 H./ 950 M.)	175
4.3.1.1. Peranan <i>Mantiq</i>	176
4.3.1.2. Nisbah Kedudukan <i>Mantiq</i>	178
4.3.2. Ibn Sīnā (m. 428 H./ 1036 M.)	179
4.3.2.1. Peranan <i>Mantiq</i>	180
4.3.2.2. Nisbah Kedudukan <i>Mantiq</i>	182
4.3.3. Al-Ghazālī (m. 505 H./ 1111 M.)	183
4.3.3.1. Pandangan Secara Umum	184
4.3.3.2. Peranan <i>Mantiq</i>	191
4.3.4. Ibn Ḥazm (m. 456 H./ 1063 M.)	195
4.3.4.1. Pandangan Secara Umum	197
4.3.4.2. Peranan <i>Mantiq</i>	203
4.3.5. Ibn Rushd (m. 595 H./ 1198 M.)	204
4.3.5.1. Pandangan Secara Umum	204
4.3.5.2. Peranan <i>Mantiq</i>	209
4.3.6. Ulasan Terhadap Sikap Golongan Yang Menerima <i>Mantiq</i>	210
4.4. Golongan Yang Menolak <i>Mantiq</i>	213
4.4.1. Al-Shāfi'ī (m. 204 H./ 819 M.)	215
4.4.2. Ibn al-Ṣalāḥ (m. 643 H./ 1245 M.)	220
4.4.2.1. Pandangan Secara Umum	221
4.4.2.2. Fatwa Pengharaman <i>Mantiq</i>	223
4.4.3. Ibn Taymiyyah (m. 728 H./ 1328)	226
4.4.3.1. Pandangan Secara Umum	227

4.4.3.2. Kritikan Terhadap Konsep <i>al-Had</i> dan <i>al-Qiyās</i>	231
4.4.4. Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (751 H./ 1350 M.)	237
4.4.5. Al-Imām al-Suyūṭī (m. 911 H./ 1505 M.)	240
4.4.6. Ulasan Terhadap Sikap Golongan Yang Menolak <i>Manṭiq</i>	242
4.5. Kesimpulan	245
PENUTUP	249
BIBLIOGRAFI	254
LAMPIRAN I	276
LAMPIRAN II	277
LAMPIRAN III	278
LAMPIRAN IV	279

PENDAHULUAN

Tajuk disertasi ini ialah *Pengaruh Mantiq Terhadap Pemikiran Islam*. Pemilihan tajuk ini adalah didorong oleh beberapa faktor penting, iaitu: ia berkaitan dengan pemikiran Islam. Untuk mendedahkan sumbangan *Mantiq* kepada perkembangan pemikiran Islam dan bentuk pengaruhnya terhadap pemikiran tersebut. Memenuhi tuntutan agama yang menuntut setiap individu muslim mengkaji tentang pelbagai ilmu dan minat yang mendalam penulis untuk mengkaji tentang satu cabang *hikmah* Islam yang boleh dimanfaatkan oleh umat Islam serta berkeyakinan dapat menyiapkannya dalam tempoh yang ditetapkan.

Selubungan dengan ini, kajian ini akan mengupas secara terperinci tentang pengaruh *Mantiq* terhadap pemikiran Islam dengan melihat lebih dekat bentuk pengaruh tersebut yang terdapat dalam disiplin-disiplin ilmu Islam. Dalam rangka menjelaskan tentang persoalan ini, kajian ini akan menfokuskan kajian kepada dua disiplin ilmu Islam yang berinteraksi secara langsung dengan disiplin *Mantiq* iaitu *‘Ilm al-Kalām* dan *‘Ilm Uṣūl al-Fiqh*. Peranan yang telah dimainkan oleh tokoh ulama dan pemikir Islam terkenal, al-Imām al-Ghazālī dalam menyerapkan *Mantiq* ke dalam disiplin ilmu tersebut akan ditonjolkan dengan jelas dalam kajian ini. Ini kerana beliau adalah perintis kepada usaha mengadunkan disiplin tersebut dengan disiplin-disiplin ilmu Islam. Langkah beliau telah mendorong ramai tokoh ulama yang muncul selepasnya untuk meneruskan kesinambungan usahanya mendekatkan *Mantiq* dengan disiplin-disiplin ilmu Islam.

Walaupun kebanyakan sarjana tempatan kurang berminat untuk mengkaji tentang persoalan ini kerana mungkin disebabkan faktor keklasikan disiplin ini, namun penulis berpendapat bahawa sesuatu *hikmat* silam yang boleh dimanfaatkan oleh umat Islam tidak seharusnya ditinggalkan dalam keghairahan kita mengejar disiplin-disiplin ilmu moden yang sebenarnya lahir di atas asas binaan *hikmat* tersebut. Menyedari hakikat inilah penulis merasa terpenggil untuk mengkaji tentang satu disiplin ilmu asing yang telah berjaya pada suatu ketika mendapat kedudukan yang istimewa dalam pemikiran Islam khususnya menjelang kurun kelima hijrah.

Semasa menjalankan kajian ini, penulis terpaksa menghadapi beberapa masalah khususnya pada peringkat awal kajian dibuat. Antara masalah yang didapati ialah kurangnya kedapatan bahan-bahan rujukan yang pertama di perpustakaan-perpustakaan utama tempatan. Penulis terpaksa mendapatkan buku-buku tersebut daripada orang perseorangan yang memilikinya. Terkadang penulis terpaksa menghubungi rakan-rakan yang masih menuntut di luar negeri, iaitu di Mesir dan Jordan untuk mendapatkan bahan-bahan rujukan yang tersimpan dalam perpustakaan negara tersebut.

Selain daripada itu, penulis juga menghadapi masalah untuk menterjemahkan beberapa istilah *Manfiq* dan Falsafah dari bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu. Ini kerana setakat ini tidak ada satu kamus istilah yang lengkap yang menterjemahkan istilah-istilah yang berkaitan dengan bidang *Manfiq* dan Falsafah dari bahasa Arab ke bahasa ibunda. Walau bagaimana pun, penulis berusaha menterjemahkan istilah-

istilah tersebut melalui perantaraan istilah-istilah yang sama yang terdapat di dalam bahasa Inggeris.

Dalam menjalankan kajian ini, penulis menggunakan kaedah penulisan yang berdasarkan kepada metod perpustakaan (*library research*). Keseluruhan fakta yang terdapat di dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada bahan-bahan rujukan yang di ambil dari beberapa perpustakaan utama tempatan khususnya Perpustakaan Utama Universiti Malaya dan Perpustakaan Cawangan Akademi Islam, Nilam Puri. Bahan-bahan kajian juga diperolehi dari orang perscorangan.

Penulis berharap agar kajian ini akan dapat mendedahkan kepada masyarakat tentang nilai satu *hikmah* Islam yang semakin dilupai oleh sebahagian besar dari kalangan masyarakat Islam. Harapan penulis agar kajian ini akan dapat memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat, khususnya kalangan individu yang berminat dengan disiplin ini.